



## KERATAN AKHBAR



Selasa – 26 Januari 2021



Halaman : 29

# MSU mySolar raih pingat emas

**M**anagement and Science University (MSU) menerusi projek sosial mySolar telah meraih pingat emas dalam Research Innovation Commercialization and Entrepreneurship Showcase (RICES) 2020.

MSU mySolar merupakan projek inovasi sosial yang dijalankan oleh Faculty of Information Sciences and Engineering (FISE) merangkumi siri projek khas untuk menyelesaikan keperluan berkaitan penyaluran sumber tenaga alternatif kepada masyarakat luar bandar dan orang asli di seluruh Malaysia.

Antara yang terlibat adalah Surau Kampung Teluk Dalam, Pulau Pangkor, Perak dan Kampung Orang Asli Paloh Hinai, Pahang.

Projek itu berperanan menjana sumber tenaga solar sebagai alternatif dengan kos berpatutan.

Ia juga memenuhi United Nations Sustainable Development

**P**eningkatan masa produktif isi rumah daripada 12 jam kepada 18 jam membolehkan aktiviti ekonomi dan pendidikan khususnya penduduk Kampung Orang Asli Paloh Inai dapat dipertingkatkan.



Proses pemasangan panel solar di Kampung Orang Asli Paloh Hinai.

Goals (USNDG) iaitu SDG-1 (Kemiskinan Sifar), SDG-3 (Kesihatan dan Kesejahteraan), SDG-4 (Pendidikan Berkualiti), SDG-5 (Kesaksamaan Gender), SDG-13 (Tindakan Iklim) dan SDG-17 (Perkongsian untuk Matlamat).

Sumber tenaga solar yang dijana oleh *The Gift of Solar Power* melalui dua panel solar berkuasa 100W itu dapat memberi manfa-

at kepada penduduk di Surau Kampung Teluk Dalam.

Kampung Orang Asli Paloh Hinai akan menerima sumber tenaga melalui *Lights Up My Life* menerusi panel solar fleksibel berkuasa 15W.

Impak penjanaan tenaga solar tersebut mampu menjimatkan kos penggunaan bateri dan generator sebagai sumber tenaga elektrik serta menyumbang kepada pe-

ningkatan produktiviti.

Peningkatan masa produktif isi rumah daripada 12 jam kepada 18 jam membolehkan aktiviti ekonomi dan pendidikan khususnya penduduk Kampung Orang Asli Paloh Inai dapat dipertingkatkan.

Peluang tersebut membolehkan suri rumah mengambil upah menjahit, manakala anak-anak dapat belajar pada waktu malam.

Pelaksanaan projek MSU mySolar itu dibiayai dan ditaja MSU SEED Grant, pihak industri dan sumbangan alumni.

Ia turut mendapat sokongan sepenuhnya daripada Presiden MSU yang juga penaung projek itu, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, dan Dekan FISE, Profesor Madya Dr Muhammad Irsyad Abdullah selaku Ketua Projek.

Turut terlibat, Ketua Teknikal, Dr Norazliani Md Sapari; Facilitator Kerjasama Industri, Dr Ahmad Sukri Ahmad, rakan industri Suncrox Solar serta empat penisyarah dan 35 pelajar.